

AKHBAR	mm	MUKA SURAT	6
TARIKH	13/1/16	RUANGAN	dlm negeri
DISEMAK OLEH			

6 DALAM NEGERI

Kanak-kanak Malaysia dilatih jadi militan IS

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 JAN.

SEBANYAK lapan kanak-kanak rakyat Malaysia dilatih untuk menganggotai kumpulan militan Negara Islam (IS) di Syria dan Iraq.

Pengarah Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun berkata, risikan mendapati kanak-kanak berkenaan menerima latihan di kem kumpulan militan di negara bergolak itu.

Menurut beliau, kesemua kanak-kanak tersebut dibawa oleh ibu bapa masing-masing serta dibesarkan dengan ideologi kumpulan militan IS untuk direkrut sebagai anggota kumpulan.

"Sebelum ini, kita mengenal pasti sebanyak 55 rakyat negara ini yang menganggotai kumpulan pengganas IS tetapi lapan orang, masing-masing telah pulang atau ditahan atau didakwa di mahkamah.

"Bagaimanapun, sehingga kini sebanyak 47 rakyat Malaysia masih berada di sana dengan 12 dari-

utusan malaysia (dlm-negeri) 13/1/16



Kesemua kanak-kanak tersebut dibawa oleh ibu bapa masing-masing serta dibesarkan dengan ideologi kumpulan militan IS untuk direkrut sebagai anggota kumpulan."

MOHAMAD FUZI HARUN
 Pengarah Cawangan Khas,
 Polis Diraja Malaysia



padanya adalah wanita," katanya selepas Perhimpunan Bulanan Semua Jabatan Peringkat Bukit Aman di Ibu Pejabat Bukit Aman di sini hari ini.

Dalam pada itu, Fuzi memberitahu, pelbagai usaha telah dilakukan termasuk melibatkan ahli keluarga rakyat Malaysia yang menganggotai kumpulan militan itu bagi memujuk mereka pulang ke tanah air.

Ujarnya, bagaimanapun mereka enggan pulang kerana ingin berjuang atas nama jihad di negara-negara bergolak itu.

"Namun, salah seorang daripada yang terbunuh dalam tiga kejadian berasingan mempunyai isteri dan anak di sana. Ahli keluarga ingin pulang ke tanah air tetapi dihalang malah passport dipegang oleh kumpulan militan tersebut," katanya.